

10 JUL 2001

Yong-Masa depan

SEKSYEN 36 AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA JADI BAHAN BUALAN DI SABAH

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 10 Julai0 (Bernama) -- Seksyen 36 Akta Kesalahan Pilihan raya menjadi bahan bualan paling hangat di Sabah terutama di kalangan golongan peguam berdasarkan perkembangan terbaru berhubung kawasan negeri Likas.

Seksyen 36 akta itu menyatakan bahawa keputusan Hakim Mahkamah Pilihan raya adalah muktamad dan tidak boleh dirayu dan ini boleh membawa padah kepada mereka yang didapati bersalah melakukan sebarang kesalahan mengikut akta itu.

Seksyen 36 kini memainkan peranan penting terhadap survival politik bekas anggota Dewan Undangan Negeri Likas Datuk Yong Teck Lee.

Hakim Mahkamah Pilihan raya Datuk Muhammad Kamil Awang sebelum ini membuat keputusan bahawa Yong telah melakukan kesalahan mengikut akta itu dan mengisytiharkan keputusan pilihan raya negeri 1999 bagi kawasan Likas tidak sah dan batal, yang membuka jalan kepada pilihan raya kecil.

Keputusan penting itu telah meletakkan Yong pada kedudukan tidak tentu -- adakah beliau layak untuk bertanding semula pada pilihan raya kecil Likas nanti atau kalaupun beliau layak, adakah kedudukannya boleh dipertahankan selepas pilihan raya itu.

Walaupun Yong telah mendapatkan penangguhan apabila Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Richard Malanjum membenarkan permohonannya bagi penangguhan pelaksanaan penghakiman Mahkamah Pilihan raya itu, rayuan telah difailkan terhadap keputusan berkenaan.

Pada mulanya keputusan itu seolah telah melepaskan halangan bagi Yong untuk bertanding semula dalam pilihan raya kecil Likas yang dijadual pada 21 Julai, sementara menunggu rayuannya di Mahkamah Rayuan.

Alex Decena, peguam bagi Yong berkata beliau diberikan satu notis hari ini supaya menghadiri satu perbicaraan rayuan oleh Datuk Harris Salleh terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membenarkan penangguhan pelaksanaan penghakiman.

Mahkamah Rayuan akan bersidang di sini esok, menjelang hari penamaan calon, bagi menimbangkan rayuan itu.

Semua perhatian akan tertumpu kepada Mahkamah Rayuan dan keputusannya, kerana apa yang berlaku akan menentukan kelayakan Yong untuk bertanding dengan tiket Barisan Nasional bagi kerusi panas itu.

Keseluruhan senario telah menarik minat di kalangan orang biasa dan peguam di Sabah dan masing-masing tidak sabar menunggu berakhirnya dilema Yong.

"Pada pendapat saya masih ada peluang dalam perkara ini melalui pengadaaan relief meskipun peruntukan Seksyen 36 tidak membenarkan rayuan," kata peguam Salman Nurillah.

Salman berpendapat bahawa Para 1 Jadual Pertama Akta Kehakiman 1964 membolehkan mahkamah membentuk relief dalam keadaan tertentu.

Bagaimanapun menurut seorang lagi peguam, Raymond Szetu, peruntukan mengikut Seksyen 36 boleh digunakan kecuali dipinda Parlimen.

"Tetapi tentunya mahkamah mempunyai kuasa muktamad dalam perkara ini," kata Szetu.

Kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim baru-baru ini menguatkan pendapat Szetu.

Dr Rais berkata terdapat keperluan untuk meminda Akta Kesalahan Pilihan raya bagi diselaraskan dengan proses mahkamah biasa yang memberikan peluang bagi rayuan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata bahawa Yong masih boleh bertanding tetapi sama ada ia satu langkah yang bijak atau tidak adalah satu perkara lain.

Buat masa ini adalah sukar untuk mengatakan sama ada Yong masih boleh melepaskan diri dan menjadi calon pilihan pertama BN.

Yong, yang pertama kali mewakili kawasan Likas pada 1985, dipilih semula dengan majoriti 4,962 undi pada pilihan raya umum yang lepas mengalahkan calon Parti Bersatu Sabah Dr Chong Eng Leong, Harris dari Parti Bersekutu dan tiga lagi -- Zulkifli Lajah (Setia), Yahya Kassim (PAS) dan Saudin Kadis (Bebas).

Berdasarkan daftar pemilih terbaru yang disahkan, terdapat 26,196 pengundi di kawasan Likas.

-- BERNAMA

NT AAM RON